

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAJI  
MASLAN [PONTIAN]**

**TARIKH : 10 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

**SOALAN**

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan program yang sudah dilaksana dan yang dalam perancangan bagi mengurangkan penghijrahan belia dari desa ke kota dan usaha Kementerian agar kehidupan di desa itu menjadi lebih baik.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) sentiasa memberi penekanan ke atas usaha meningkatkan kesejahteraan penduduk luar bandar dalam pelbagai aspek meliputi prasarana, ekonomi, sosial dan persekitaran supaya kehidupan di desa menjadi lebih baik dan secara tidak langsung dapat mengurangkan penghijrahan belia dari desa ke kota. Dalam hal ini, pemerksaan belia luar bandar merupakan antara agenda penting di bawah Dasar Pembangunan Luar Bandar 2030 (DPLB 2030). Objektif Teras 5 DPLB 2030, Keunggulan Generasi Belia Luar Bandar adalah untuk membangunkan belia luar bandar supaya bersahsiah tinggi, berilmu, berkemahiran, patriotik, kreatif, inovatif, mengungguli bidang keusahawanan dan mempunyai pendapatan yang mampan.

Program-program yang dilaksanakan bagi mencapai objektif yang telah disebut tadi adalah seperti berikut:

**NO. SOALAN : 17**

- a) meneruskan penyediaan infrastruktur dan prasarana yang lengkap dan mencukupi di luar bandar dalam menyokong pembangunan ekonomi dan mewujudkan persekitaran luar bandar yang kondusif;
- b) melaksanakan program ekonomi dan keusahawanan iaitu Program Peningkatan Pendapatan (PPP), Skim Pembiayaan Ekonomi Desa (SPED) dan Program Desa Lestari serta program-program di bawah MARA serta Lembaga Kemajuan Wilayah;
- c) menyediakan platform pemasaran secara atas talian melalui aplikasi DesaMall@KPLB;
- d) melaksanakan program pembangunan modal insan seperti Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK), TVET@KPLB, program-program di bawah KEMAS dan INFRA; dan
- e) melaksanakan pelbagai program seperti Program Pemerkasaan Wanita, Program Keusahawanan dan Pusat Pengumpulan Produk Usahawan Desa di Pusat Komuniti Desa (PKD) yang berfungsi sebagai Pusat Hentian setempat dengan moto Satu Hentian Pelbagai Perkhidmatan.

Sekian, terima kasih.